

LAMPIRAN PEMBERITAHUAN PRODUK

Pelanggan yang dihormati,

Lampiran Pemberitahuan Produk ini disediakan untuk memberikan maklumat penting mengenai Insurans liabiliti anda.

Tarikh: 04/2026

Pelanggan lain telah membaca Lampiran Pemberitahuan Produk ini dan mendapati ia bermanfaat; **anda juga patut membacanya.**

1 Apakah Insurans Indemniti Profesional?

Insurans Indemniti Profesional melindungi anda daripada pelanggaran kewajipan profesional, atas sebab sebarang tindakan kecuai, kesilapan atau ketinggalan dalam melaksanakan pekerjaan anda.

2 Ketahui Perlindungan Anda

Anda akan menerima perlindungan berikut:	
Polisi ini melindungi:	Polisi ini tidak melindungi :
<p>Tanggungjawab undang-undang anda terhadap:</p> <ul style="list-style-type: none">• Pampasan/tuntutan yang dibuat terhadap anda• Kos & perbelanjaan yang ditanggung <p>Berlaku akibat tindakan cuai, kesilapan, atau kecuai anda yang melanggar tanggungjawab profesional sepanjang tempoh polisi.</p>	<ul style="list-style-type: none">• Peperangan dan Keganasan• Denda, penalti, ganti rugi punitif dan teladan• Kulat dan Asbestos• Kecederaan tubuh badan• Radiasi atau nuclear• Insolvensi/Kebankrapan• Kebocoran dan Pencemaran
Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian bagi polisi ini.	
Tempoh perlindungan adalah selama 1 tahun. Anda perlu memperbaharui polisi anda setiap tahun.	

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan berkaitan perlindungan insurans anda, anda boleh:



Hubungi Kami di
1-800-888-458



Layari Kami di
www.progressiveinsurance.com.my



Email Kami di:
customercare@progressiveinsurance.com.my



Imbas kod
QR di atas

3 Ketahui Kewajipan Anda

Untuk insurans ini berdasarkan tujuan ilustrasi sahaja, anda mesti membayar premium berikut:	
Perlindungan Asas	RM100.00 (setahun)
(+) Perlindungan Tambahan	<i>Tidak Berkenaan</i>
Premium Kasar	RM100.00 (setahun)
Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:	
(+) 8% Cukai Perkhidmatan	RM8.00 (setahun)
(+) Duti Setem	RM10.00
Jumlah Premium Perlu Dibayar	RM118.00 (setahun)
Di mana ini termasuk:	
Komisen	15% daripada Premium Kasar atau RM15.00
Nota:	
<ul style="list-style-type: none">• Ini hanyalah ilustrasi. Jumlah premium yang perlu anda bayar mungkin berbeza bergantung kepada perlindungan insurans anda, pendedahan risiko dan kriteria pengunderaitan Progressive Insurance Bhd.• Kadar Cukai Perkhidmatan tertakluk kepada kadar semasa yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia.	

4 Maklumat Penting Lain

<ul style="list-style-type: none">• Kewajipan pendedahan: Anda mesti mendedahkan semua fakta material yang diketahui atau patut diketahui, yang akan menjejaskan pertimbangan pengunderaitan kami terhadap cadangan anda, seperti insurans dan sejarah kerugian anda. Anda mesti mendedahkan semua fakta yang relevan dengan jujur dan lengkap dalam borang permohonan insurans anda.• Perubahan Risiko: Anda mesti memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan material sepanjang tempoh polisi. Ini bagi memastikan pindaan yang diperlukan boleh dibuat dan didokumenkan dalam polisi insurans anda.• Lebihan adalah jumlah kerugian yang perlu anda tanggung sebelum kami menanggung kerugian anda.• Waranti Premium: Premium mesti dibayar dalam tempoh 60 hari dari tarikh permulaan perlindungan. Sekiranya bayaran tidak diterima dalam tempoh ini, polisi akan dibatalkan secara automatik. Kami berhak menerima premium secara purata bagi tempoh 60 hari di mana perlindungan telah diberikan.• Bidang Kuasa: Indemiti yang diperuntukkan di sini tidak akan terpakai bagi;<ul style="list-style-type: none">a) Pampasan bagi ganti rugi berkenaan dengan penghakiman yang diberikan atau diperoleh pada peringkat awal selain daripada Mahkamah yang Mempunyai Bidang Kuasa Kompeten di dalam Malaysia.b) Kos dan perbelanjaan litigasi yang diperoleh semula oleh mana-mana pihak menuntut daripada Pihak Diinsuranskan yang tidak ditanggung dan tidak boleh diperoleh semula di Malaysia.• Sekiranya berlaku insiden yang menimbulkan tuntutan, anda hendaklah segera memaklumkan kepada kami secara bertulis dengan segera.
Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh . Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh terma dan syarat.

? Bolehkah saya batalkan polisi saya?

- Ya, anda boleh membatalkan polisi pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis kepada kami. Sebarang bayaran balik premium selepas pembatalan akan tertakluk kepada terma yang dinyatakan dalam kontrak polisi, dengan syarat tiada tuntutan telah dibuat.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Progressive Insurance Bhd atau PIDM (layari www.pidm.gov.my)